

1. Rayuan Jenayah No: W-05(SH)-[277 hingga 299]-08/2020
2. Rayuan Jenayah No: W-05(LB)-[70 hingga 93]-02/2020

Alasan Ringkas

Pendahuluan

[1] Satu kejadian yang menyayat hati berlaku apabila 21 orang pelajar dan 2 orang warden di Darul Quran Ittifaqiyah (Sekolah Tahfiz) yang terletak Jalan Keramat Hujung, Kampung Datuk Keramat, Wangsa Maju, Kuala Lumpur terkorban dalam kebakaran yang berlaku pada awal pagi 14.9.2017. Siasatan di tempat kejadian menunjukkan adanya perbuatan khianat dan setelah siasatan selesai, dua orang pesalah kanak-kanak (PKK) Mereka yang didakwa ialah Muhammad Adli Shah bin Mohd Yusri (PKK1) dan Muhammad Firdaus bin Juraimi (PKK2). PKK1 dan PKK2 telah dituduh dengan 23 pertuduhan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan (KK) yang dibaca bersama dengan s 34 KK. PKK1 telah didapati bersalah dan disabitkan di atas kesemua tuduhan membunuh dan telah diperintahkan untuk ditahan di penjara selama mana perkenan Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong di bawah subseksyen 97(2) Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK 2001). Sebaliknya, PKK2 telah dilepas dan dibebaskan daripada kesemua pertuduhan apabila didapati pihak pendakwaan (PP) gagal membuktikan kes *prima facie* di akhir kes pendakwaan. Terkilan dengan keputusan, PKK1 merayu terhadap keseluruhan keputusan iaitu ke atas sabitan dan hukuman. Rayuan PKK1 telah didaftarkan sebagai Rayuan Jenayah No: W-05(SH)-[277 hingga 299]-08/2020. Manakala pihak Pendakwa Raya (PR) pula merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi melepas dan membebaskan PKK2 daripada semua pertuduhan di akhir kes pendakwaan. Rayuan PR telah didaftarkan sebagai Rayuan Jenayah No: W-05(LB)-[70 hingga 93]-02/2020.

[2] Di Mahkamah ini, kedua-dua rayuan telah didengar secara bersama-sama dengan dimulai dengan pendengaran rayuan oleh PKK1 dan diikuti dengan pendengaran rayuan oleh PR. Untuk memudahkan sebutan, pihak-pihak dalam rayuan ini akan dirujuk sama sepertimana di mahkamah bicara.

Pertuduhan

[3] Ada 23 pertuduhan yang dikenakan terhadap PKK1 dan PKK2. Kesemua pertuduhan menyatakan bahawa pada 14.9.2017, di antara pukul 4.15 pagi hingga 6.45 pagi di Sekolah Tahfiz, bagi mencapai niat bersama kamu, telah melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian ke atas ke atas 23 orang mangsa. PKK1 dan PKK2 masing-masingnya dituduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 KK dan dibaca bersama Seksyen 34 KK.

Ringkasan Kes Pihak Pendakwaan

[4] Pada kira-kira pukul 5.44 pagi, SP1 yang bertugas di Pusat Kawalan Polis, Kuala Lumpur telah menerima panggilan kecemasan 999 daripada pemanggil bernama Yusri yang mengatakan bahawa ada satu kejadian kebakaran berlaku di Sekolah Tahfiz. SP1 terus memaklumkan maklumat tersebut kepada Jabatan Bomba, hospital dan Polis Daerah Wangsa Maju untuk tindakan selanjutnya.

[5] Hasil daripada siasatan yang dijalankan, pihak polis telah mengambil beberapa rakaman daripada kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di bangunan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) yang terletak bersebelahan dengan bangunan Sekolah Tahfiz, di sebuah Pusat Snooker dan juga di sebuah Stesen Minyak Petron. Berdasarkan rakaman CCTV yang merakam kejadian di antara tarikh waktu tengah

malam 13.09.2017 hingga ke awal pagi 14.09.2017, pihak polis telah berjaya membuat beberapa tangkapan termasuklah PKK1 dan PKK2.

[6] Semasa perbicaraan, PP telah memanggil seramai 71 orang saksi di peringkat kes pendakwaan. Seorang saksi kanak-kanak yang dikategorikan sebagai saksi terlindung (SP68) dan Muhammad Shahrizal bin Abdul Rahim (SP69) adalah merupakan saksi utama PP. Menurut keterangan, SP68 dan SP69 ada bersama-sama dengan PKK1 dan PKK2 serta juga beberapa rakan mereka yang lain sebelum kejadian kebakaran berlaku. SP68 dan SP69 telah memberikan keterangan bahawa mereka terdengar PPK1 berkata "Man bila nak bakar tahfiz". SP69 tidak pasti pada ketika itu Perayu bercakap dengan siapa. Selepas itu, SP69 juga ada mendengar daripada salah seorang mereka mengatakan "belilah minyak petrol", namun SP69 tidak dapat mengesahkan siapa yang telah berkata sedemikian. Selanjutnya, SP68 dan SP69 mendakwa bahawa mereka telah lihat dan dapat camkan bahawa PKK1 dan seorang lagi yang tidak dapat dikenal pasti telah memanjat pagar Sekolah Tahfiz pada sekitar pukul 4.30 pagi 14.09.2017 untuk masuk ke bahagian belakang bangunan Sekolah Tahfiz. Keterangan melalui CCTV jelas menunjukkan PPK1 ada masuk ke kawasan belakang bangunan Sekolah Tahfiz dan membawa bersama botol air mineral yang dikatakan berisi petrol.

[7] Bagi membuktikan kes, PP turut memanggil saksi-saksi daripada Jabatan Kimia, iaitu SP2, seorang Ahli Kimia Forensik DNA, SP22 dan SP23 yang kedua-duanya adalah Ahli Kimia Toksikologi, saksi-saksi daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat seramai 10 orang iaitu SP3 hingga SP6, SP18 hingga SP21, SP27 dan SP39, saksi-saksi daripada Jabatan Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur (HKL) seramai 8 orang iaitu SP38, SP53 hingga SP55 dan SP57 hingga SP60.

[8] Selain itu, saksi-saksi lain yang dipanggil PP adalah saksi orang awam yang terdiri daripada tenaga pengajar Sekolah Tahfiz (SP25), pekerja Sekolah Tahfiz (SP24 dan SP28) dan pelajar Sekolah Tahfiz (SP26). Turut dipanggil ibu-ibu (SP29 hingga SP32, SP35, SP40 hingga SP43, SP45 hingga SP52 dan SP56) dan seorang kakak kandung (SP44) kepada mangsa yang terkorban bagi memberikan keterangan berkaitan dengan pengecaman ke atas mangsa.

[9] Selebihnya adalah saksi-saksi formal yang terdiri daripada pegawai dan anggota polis yang terlibat semasa kes dalam siasatan seperti Jurugambar (SP7 hingga SP16), anggota pengiring bungkusan mayat ke Jabatan Forensik HKL (SP33 dan SP34), pegawai polis yang memberikan arahan berkaitan penghantaran jenazah ke HKL dan menerima semula kesemua sampel-sampel jenazah daripada pegawai perubatan bagi mengesahkan identiti kesemua jenazah (SP36), pegawai polis yang mengendalikan barang kes di tempat kejadian (SP37), pegawai polis yang membuat rampasan ke atas rakaman CCTV (SP61, SP62 dan SP67), pegawai polis yang membuat tangkapan ke SP68 dan SP69 (SP64), pegawai polis yang membuat tangkapan ke atas PKK1, PKK2, SP70 dan 2 rakan lagi serta merampas pakaian PPK1 (SP65), Pegawai Polis yang merampas pemetik api hasil tunjuk arah oleh PPK1 (SP66) dan akhirnya Pegawai Penyiasat kes (SP71).

Keputusan Mahkamah Tinggi di Akhir Kes Pendakwaan

[10] Setelah meneliti secara maksimum segala keterangan kes PP, Hakim Mahkamah Tinggi (HMT) mendapati bahawa PP telah berjaya membuktikan kesemua elemen bagi memenuhi kehendak pertuduhan di bawah s 302 KK terhadap PKK1. Oleh itu, wujud kes *prima facie* terhadap PKK1 bagi kesemua 23 pertuduhan dan PKK1 dipanggil untuk membela diri. Sementara itu, bagi PKK2, HMT telah mendapati dan memutuskan

bahawa PP gagal membuktikan elemen-elemen kesalahan bagi kesemua pertuduhan. Oleh itu, PP gagal membuktikan kes prima facie terhadap PKK2 bagi kesemua 23 pertuduhan dan PKK2 dibebaskan dan dilepaskan daripada kesemua pertuduhan di akhir kes pendakwaan.

Pembelaan PKK1

[11] PKK1 memilih untuk memberikan keterangan bersumpah di kandang saksi dan seterusnya memanggil 5 orang saksi pembelaan. Dalam keterangan, PKK1 mengakui berada di sekitar bangunan Sekolah Tahfiz pada awal pagi 14.9.2017 namun menafikan telah memanjat pagar bangunan Sekolah Tahfiz. Sebaliknya, PKK1 mendakwa bahawa dia bersama-sama rakan-rakannya iaitu PKK2, Aiman Danial bin Abu Bakar (SP70) dan Emran Fazley bin Abu Bakar (SD3) hanya melalui bahagian belakang bangunan Sekolah Tahfiz untuk pergi buat kali kedua ke satu tangga yang terletak di belakang bangunan Sekolah Tahfiz untuk menghabiskan baki ganja yang telah dihisap sebelum itu. Semasa lepak-lepak di warung Cik Mek Molek (CMM) sebelum itu, PKK1 menafikan telah mengeluarkan kata-kata “Man, bila nak bakar tahfiz” atau “bila nak bakar tahfiz” sepertimana yang dalam keterangan SP68 dan SP69. PKK1 juga menafikan bahawa dia membawa petrol dalam botol air mineral seperti yang dirakam CCTV.

[12] Selain itu, PKK2 mengemukakan pembelaan alibi bagi menunjukkan bahawa dia tidak pernah memanjat pagar bangunan Sekolah Tahfiz seperti yang didakwa SP69 dan SP69. Bagi Menyokong Pembelaan Alibi, Pihak Pembelaan memanggil SD2 iaitu ibu kandung PKK1 dan 4 orang rakannya SD3, SD4, SD5 dan SP6.

Keputusan HMT di Akhir Kes

[13] Keterangan oleh SP68 dan SP69 telah secara positif mengenal pasti PPK1 yang telah melompat pagar Sekolah Tahfiz pada hari kejadian. Rakaman CCTV di bangunan PPIM juga menunjukkan kehadiran PPK1 di kawasan tersebut dan jelas menunjukkan dia ada memegang botol. Semasa disoal balas, PPK1 mengaku bahawa tiada alasan untuk SP68 dan SP69 menganiayainya. Oleh itu, tiada sebab untuk Mahkamah meragui keterangan mereka. Berpandukan kepada pengecaman oleh SP68 dan SP69 ke atas PPK1 dan juga keterangan sokongan daripada rakaman CCTV, pembelaan alibi PPK1 gagal menimbulkan sebarang keraguan kepada kes PP.

[14] Lagipun, kesemua saksi yang dipanggil pihak pembelaan adalah saksi berkepentingan. SD2 adalah ibu kandung PPK1 dan SD3 hingga SD6 adalah rakan-rakan PPK1 yang ada kepentingan untuk membantu kes pihak pembelaan dan Mahkamah perlulah berhati-hati dalam menilai keterangan yang diberikan.

[15] Dengan itu, pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan ke atas kes PP bagi kesemua 23 pertuduhan. PP telah berjaya membuktikan kesemua pertuduhan melampaui keraguan yang munasabah. PPK1 didapati bersalah dan disabitkan ke atas kesemua 23 pertuduhan. Oleh kerana PPK1 masih di bawah umur semasa kesalahan dilakukan, PPK1 tidak boleh dikenakan hukuman mati menurut subseksyen 97(1) AKK 2001. Dengan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 97(2) AKK 2001, Mahkamah memerintahkan PPK1 ditahan di penjara selama mana diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agong.

A. Rayuan PKK1 – Rayuan Jenayah No: W-05(SH)-[277 hingga 299]-08/2020

[16] Dalam hujahan di hadapan kami, peguam fokus kepada 3 isu utama iaitu:

- i. di peringkat kes PP, sama ada SP70 adalah seorang rakan jenayah dan secara alternatifnya sekiranya jawapannya ya, sama ada terdapatnya keterangan sokongan yang diberikan oleh saksi PP yang lain bagi menyokong naratif keterangan SP70;
- ii. di peringkat kes pembelaan, sama ada SP2 hingga SP6 yang dipanggil pihak pembelaan adalah saksi-saksi berkepentingan yang membolehkan keterangan alibi PKK1 ditolak; dan
- iii. bagi keseluruhan kes PP, sama ada PP telah berjaya membuktikan kes pendakwaan yang diasaskan semata-mata kepada keterangan ikut keadaan.

Keputusan Kami

[17] PKK1 menghadapi 23 tuduhan membunuh di bawah s 302 KK. Bagi membuktikan kesemua tuduhan terhadap PKK1, PP perlulah membuktikan bahawa PKK1 telah melakukan kesalahan membunuh sebagaimana di peruntukkan di bawah s 300 KK.

[18] Elemen pertama yang perlu dibuktikan PP bagi membuktikan pertuduhan membunuh terhadap PKK1 adalah, adanya kematian yang berlaku. Bagi elemen ini, tidak dipertikaikan bahawa kesemua 23 orang mangsa telah mati terbakar dalam kejadian kebakaran di Sekolah Tahfiz

dan identiti kesemua mangsa telah dikenal pasti melalui ujian DNA yang dijalankan SP2.

[19] Bagi elemen kedua pertuduhan, PP perlulah membuktikan bahawa kesemua 23 orang mangsa mati akibat daripada bencana tubuh yang dialami semasa kebakaran di Sekolah Tahfiz. Dalam hal ini, adalah tidak dipertikaikan bahawa keterangan SP57 hingga SP60 yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat-mayat mangsa telah mengesahkan bahawa kesemua mangsa mati akibat daripada kebakaran.

[20] Bagi elemen ketiga pula, PP perlulah membuktikan bahawa PPK1 adalah orang yang menyebabkan bencana tubuh ke atas kesemua mangsa atau bencana tubuh tersebut adalah kesan daripada perbuatan PPK1. Akhirnya, bagi elemen keempat, PP perlu dibuktikan bahawa semasa melakukan perbuatan yang mendatangkan bencana tubuh ke atas kesemua mangsa, PPK1 berniat hendak menyebabkan kematian, atau berniat hendak menyebabkan bencana tubuh yang ia tahu mungkin akan menyebabkan kematian, atau berniat hendak menyebabkan bencana tubuh yang ia tahu bencana tubuh itu adalah cukup pada lazimnya menyebabkan kematian, atau PPK1 tahu bahawa perbuatannya itu sebegitu berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian atau boleh menyebabkan bencana tubuh yang mungkin sekali menyebabkan kematian, dan telah melakukan perbuatan itu tanpa apa-apa sebab bagi mendatangkan risiko yang boleh menyebabkan kematian atau bencana tubuh. Beban pembuktian bagi elemen ketiga dan keempat inilah yang menjadi pertikaian pihak pembelaan.

[21] PP telah mengemukakan 71 orang saksi. Tidak dipertikaikan bahawa, PP bergantung kepada keterangan ikut keadaan bagi membuktikan kesemua pertuduhan terhadap PPK1. Dengan lain perkataan, tiada saksi yang melihat PPK1 meletakkan tong gas di

hadapan pintu asrama di tingkat tiga Sekolah Tahfiz, mencurahkan petrol di rak kasut dan menyalakan api untuk membakar bangunan Sekolah Tahfiz seperti yang diilustrasikan sebagai punca kebakaran dalam keterangan SP27, iaitu Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran di Ibu Pejabat Jabatan Bomba, Putrajaya.

[22] Daripada keterangan, adalah menjadi fakta yang tidaklah dipertikaikan bahawa PPK1 sememangnya berada di sekitar tempat kejadian sebelum berlakunya kejadian kebakaran di bangunan Sekolah Tahfiz. Berhubung dengan fakta kehadiran PPK1 di sekitar tempat kejadian, keterangan daripada kesemua saksi sama ada saksi-saksi yang dipanggil PP mahupun saksi-saksi yang pihak pembelaan menunjukkan PPK1 sememangnya berada disekitar tempat kejadian. Kronologi peristiwa yang dipadankan melalui keterangan daripada rakaman CCTV juga menunjukkan kehadiran PPK1 di sekitar tempat kejadian.

[23] HMT telah meneliti dan menilai keterangan SP68 dan SP69. Kami dapati HMT sangat teliti semasa membuat pertimbangan ke atas fakta berhubung dengan kehadiran dan pengecaman ke atas PPK1 yang dikaitkan dengan perbuatan memanjat pagar bangunan Sekolah Tahfiz sebelum kejadian kebakaran. Kami berpandangan bahawa analisis ke atas keterangan saksi-saksi serta penilaian ke atas keterangan sokongan iaitu rakaman CCTV ditambah pula dengan adanya lawatan ke tempat kejadian yang dilakukan HMT bagi menggambarkan sendiri ketepatan keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi telah memantapkan dapatan HMT ke atas fakta-fakta tersebut. Oleh itu, tiada sebab untuk kami mengusik dapatan tersebut.

[24] Dalam pada itu, peguam PPK1 merujuk kepada keterangan SP70 yang dikatakan bercanggah dengan keterangan SP68 dan SP69. Dihujahkan bahawa HMT sepatutnya mengambil kira keterangan SP70

bagi menjelaskan situasi yang benar-benar berlaku di belakang bangunan Sekolah Tahfiz.

[25] SP70 adalah saksi PP. SP70 memberikan keterangan yang berbeza daripada kenyataan kepada pihak polis di bawah s 112 KTJ berhubung dengan apa yang berlaku di bahagian belakang bangunan Sekolah Tahfiz pada pagi sebelum kejadian. Berasaskan percanggahan dalam keterangan SP70 tersebut, PP telah memohon kebenaran untuk menyoal balas saksinya sendiri di bawah s 154 AK 1950 dan permohonan PP dibenarkan Mahkamah.

[26] Berhubung dengan status SP70 sebagai seorang saksi, tidak dipertikaikan bahawa keterangan yang ada di hadapan mahkamah telah menunjukkan SP70 dan 3 orang lagi, termasuklah PKK1, sentiasa kelihatan bersama semasa berada di sekitar kawasan berhampiran bangunan Sekolah Tahfiz sebelum kejadian kebakaran sepertimana pemerhatian dan dapatan HMT. Kami merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389 dan kami berpandangan bahawa tiada silapnya dapatan HMT apabila mendapati SP70 adalah seorang rakan sejenayah. Sebagai rakan sejenayah, SP70 ada sebab untuk membantu PKK1 melepaskan diri daripada kesemua pertuduhan yang dikenakan. Oleh itu prinsip undang-undang berkenaan kebolehterimaan keterangan rakan sejenayah perlulah diberikan pertimbangan.

[27] Di hadapan HMT, terdapat situasi yang mana telah ditunjukkan bahawa adanya keterangan rakan sejenayah, iaitu keterangan SP70, yang memberi keterangan yang berbeza daripada kenyataannya kepada pihak polis. Tugas hakim bicara ialah untuk menilai keseluruhan keterangan yang ada di hadapannya di akhir kes pendakwaan. Berdasarkan keterangan, HMT sebagai hakim bicara ada budi bicara

untuk memutuskan sama ada untuk menerima atau menolak keterangan saksi-saksi, termasuklah keterangan SP70. Dalam tindakan ini, HMT telah memutuskan untuk menolak keterangan SP70 yang didapati bercanggah dengan keterangan saksi-saksi PP yang lain. Setelah meneliti dan menilai keterangan dalam rekod rayuan, kami mendapati bahawa tindakan HMT menolak keterangan SP70 ada asasnya dan boleh diterima. Oleh itu, tidak wujud lagi keraguan kepada kes PP yang terbit daripada keterangan SP70.

[28] Selain daripada isu percanggahan dalam keterangan PP yang terbit daripada keterangan SP70, peguam PKK1 turut membangkitkan 2 isu sampingan di peringkat kes pendakwaan, iaitu isu penerimaan masuk keterangan SP66 oleh Mahkamah di bawah s 27 AK 1950 dan isu pertuduhan yang berkaitan dengan niat bersama di bawah s 34 KK.

[29] Berkenaan dengan isu penerimaan keterangan di bawah s 27 AK 1950, SP66 dan 3 orang anggota polis yang lain telah menjalankan soal siasat ke atas PKK1 dan hasilnya, PPK1 telah membawa pihak polis ke rumahnya yang membawa kepada penemuan pemetik api P291. Setelah meneliti keterangan, kami bersetuju dengan dapatan HMT yang dapati penemuan P291 adalah hasil daripada keterangan PKK sendiri. Tanpa maklumat PKK1, SP66 tidak akan mengetahui kewujudan dan penemuan P291.

[30] Walaupun keterangan yang membawa kepada penemuan P291 boleh diterima masuk, kami mendapati bahawa tiada keterangan yang dikemukakan PP yang boleh mengaitkan P291 dengan kebakaran bangunan Sekolah Tahfiz. Mengikut rekod, pengakuan PKK1 berhubung dengan kegunaan P291 di tempat kejadian telah dipadamkan setelah Mahkamah menerima bantahan pihak pembelaan.

[31] Walaupun begitu, kami berpandangan bahawa pertimbangan perlu diberikan ke atas keputusan HMT yang menerima keterangan penemuan P291 sebagai keterangan yang boleh diterima bagi menunjukkan suatu kelakuan oleh PKK1 di bawah s 8 AK 1950. Berdasarkan rujukan kepada kes-kes autoriti, terutamanya keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Pathmanabhan a/l Nalliannen v Public Prosecutor* kami bersetuju dengan dapatan HMT yang memutuskan bahawa perbuatan PKK1 memilih P291 daripada beberapa pemetik api yang ada dalam bilik tidur PKK1, menunjukkan PKK1 tahu pemetik api mana yang dia gunakan untuk memulakan kebakaran di bangunan Sekolah Tahfiz. Kelakuan PKK1 tersebut yang boleh diterima di bawah s 8 AK 1950 sudah tentulah boleh dipertimbangkan untuk menjadi sebahagian daripada keterangan ikut keadaan yang menyokong pembuktian kes *prima facie* terhadap PKK1.

[32] Bagi isu sampingan kedua pula, persoalannya adalah, sama ada kegagalan HMT membuat apa-apa dapatan dalam Alasan Penghakiman beliau berkaitan isu niat bersama di bawah s 34 KK boleh memudaratkan kes PP. Berkaitan perkara ini, kami merujuk kepada rekod dalam nota keterangan yang menunjukkan bahawa semasa pertuduhan dipinda di akhir kes pendakwaan, HMT tidak lagi menyatakan pembacaan pertuduhan dibaca bersama s 34 KK dalam kesemua 23 pertuduhan pindaan walaupun PKK1 dituduh bersama-sama seorang lagi yang tidak dapat dikenali. Ini bermakna, HMT telah berpuas hati bahawa PP telah berjaya di peringkat kes *prima facie* membuktikan PKK1 sendiri yang telah melakukan 23 kesalahan membunuh tanpa bergantung kepada perbuatan seorang lagi yang tidak dapat dikenali. Berasaskan fakta tersebutlah kami berpandangan bahawa HMT ada justifikasi untuk tidak bergantung kepada peruntukan niat bersama di bawah s 34 KK. Oleh itu,

kami mendapati bahawa PKK1 tidak di prejudis walaupun pertuduhan pindaan tidak bersandarkan kepada peruntukan s 34 KK.

[33] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan tersebut, kami mendapati bahawa PP telah berjaya membuktikan keempat-empat elemen yang diperlukan untuk membuktikan kesalahan membunuh di bawah s 300 KK. Bagi elemen ketiga, melalui keterangan ikut keadaan PP berjaya membuktikan PKK1 bertanggungjawab memulakan kebakaran di Sekolah Tahfiz. Bagi elemen keempat, PKK1 yang memulakan kebakaran tahu bahawa perbuatannya itu sebegitu berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian atau boleh menyebabkan bencana tubuh yang mungkin sekali menyebabkan kematian, dan telah melakukan perbuatan itu tanpa apa-apa sebab bagi mendatangkan risiko yang boleh menyebabkan kematian atau bencana tubuh sepertimana yang diperuntukkan di perenggan s 300(d) KK.

[34] Isu pertama berserta dua isu sampingan yang dibangkitkan peguam PKK1 tidak bermerit diberikan pertimbangan. Dengan itu, kami mendapati bahawa tiada silapnya keputusan HMT yang memutuskan bahawa satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan oleh PP terhadap PKK1 di atas kesemua 23 pertuduhan pindaan setelah kesemua elemen pertuduhan berjaya dibuktikan.

[35] Beralih kepada isu kedua, persoalan yang dibangkitkan adalah berhubung dengan kes di peringkat pembelaan. Isunya adalah, sama ada SD2 hingga SD6 yang dipanggil pihak pembelaan adalah saksi-saksi berkepentingan yang membolehkan keterangan alibi PKK1 ditolak. Peguam PKK1 berhujah bahawa HMT telah tersalah arah apabila memutuskan bahawa kesemua saksi pembelaan adalah saksi berkepentingan menyebabkan pembelaan alibi PKK1 ditolak oleh HMT

walaupun beliau telah membuat dapatan yang positif berhubung dengan alibi PKK1.

[36] Berkaitan isu kedua ini, PKK1 dalam keterangan pembelaan tidak menafikan berada di belakang bangunan Sekolah Tahfiz pada pagi sebelum kejadian kebakaran. Cuma yang dinafikan adalah fakta berhubung dengan kejadian memanjat pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz. Begitu juga dengan keterangan sokongan daripada SD3 yang turut berada bersama-sama PKK1 pada semua masa yang material. Keterangan SD3 hampir sama dengan keterangan PKK1 yang menafikan PKK1 telah memanjat pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz sebelum kejadian kebakaran. Keterangan SD2 hingga SD6 lebih bersifat natural bagi menyokong pembelaan alibi kerana mereka tidak berada dengan PKK1 pada masa yang material.

[37] Setelah meneliti Nota Keterangan berhubung dengan keterangan saksi-saksi yang dikemukakan di peringkat pembelaan, keterangan saksi-saksi di peringkat pendakwaan, keterangan sokongan terutamanya keterangan daripada rakaman CCTV yang diambil daripada empat tempat yang berbeza dan juga analisis terperinci yang dihuraikan HMT dalam AP, kami berpandangan dan mendapati bahawa pembelaan alibi yang dikemukakan PKK1 melalui notis di bawah s 402A KTJ bukanlah pembelaan alibi dalam erti kata sebenar. Ini kerana, untuk bergantung kepada pembelaan alibi, perlu ada keterangan yang boleh menunjukkan PKK1 tidak berada di tempat kejadian pada masa kejadian. Kami merujuk kepada ungkapan Mahkamah Agong dalam kes *Ku Lip See* yang menyebut “A determination whether particular evidence is evidence in support of alibi entails a consideration whether the evidence shows or tends to show that by reason of the presence of the accused at some

particular place or area at a particular time he cannot be or is unlikely to be at the place where the offence is committed”.

[38] Daripada keterangan pembelaan dan juga keterangan di peringkat pendakwaan jelas menyatakan fakta bahawa PKK1 berada di sekitar pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz sebelum kejadian kebakaran berlaku. Fakta tersebut dengan sendirinya menjadikan pembelaan alibi rebah dan PKK1 tidak boleh bergantung kepada pembelaan alibi. Kami mendapati tiada silapnya keputusan HMT menolak pembelaan alibi PKK1 walaupun di atas alasan yang berbeza. Apa yang tinggal adalah pembelaan penafian oleh PKK1 yang menyatakan bahawa dia tidak pada bila-bila masa memanjat pagar untuk masuk ke bangunan Sekolah Tahfiz bersama-sama dengan seorang lagi yang tidak dapat dikenali. Begitu juga dengan keterangan SP70 dan SD3 yang turut menafikan fakta tersebut. Keterangan mereka hanyalah sebagai meyokong penafian PKK1

[39] Sekiranya pembelaan PKK1 boleh diambil kira sebagai pembelaan alibi sekalipun atas alasan bahawa PKK1 dikatakan tidak berada dalam bangunan Sekolah Tahfiz pada masa kejadian, kami masih lagi berpandangan bahawa hanya keterangan SD3 sahaja yang boleh menyokong pembelaan alibi PKK1. Oleh kerana telah diputuskan sebelum ini bahawa status SP70 adalah rakan sejenayah dan saksi berkepentingan, maka status yang sama perlu diputuskan terhadap SD3. Dengan itu, keterangan SD3 perlulah dinilai dan dipertimbangkan dengan berhati-hati sama seperti keterangan SP70.

[40] Mengambil kira kedua-dua senario pembelaan yang dikemukakan PKK1, sama ada keterangan pembelaan berbentuk penafian mahupun keterangan pembelaan alibi, kami bersetuju dengan dapatan HMT yang mendapati bahawa pihak pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan ke atas kes PP. Kami mendapati pembelaan penafian yang

dikemukakan PKK1 yang disokong SD3 hanyalah penafian kosong semata-mata berbanding dengan keterangan kukuh PP walaupun bersandarkan keterangan ikut keadaan. Tambahan pula, pengecaman positif oleh SP68 dan SP69 terhadap PKK1 pada pagi kejadian boleh meranapkan pembelaan alibi seperti yang diputuskan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor*.

[41] Beralih kepada isu ketiga, tidak dipertikaikan bahawa PP bergantung kepada keterangan ikut bagi membuktikan kesemua pertuduhan terhadap PKK1. Semasa membincangkan isu pertama, isu keterangan ikut keadaan telah banyak diperkatakan. Bagi mengelakkan pengulangan, kami ringkaskan keterangan ikut keadaan yang telah dikemukakan PP dan diambil kira oleh HMT bagi membuktikan kesemua 23 pertuduhan terhadap PKK1.

[42] Kami mulakan dengan pertuduhan yang dikenakan ke atas PKK1. Setiap pertuduhan menyatakan PKK1 telah melakukan kesalahan pada 14.9.2017 di antara pukul 4.15 hingga 6.45 pagi. Menurut keterangan, sekumpulan orang yang terdiri daripada kanak-kanak belasan tahun melepak di kawasan sekitar bangunan Sekolah Tahfiz terutamanya di warung CMM pada tengah malam 13.9.2017 sehingga awal pagi 14.9.2017 sebelum berlaku kejadian kebakaran Sekolah Tahfiz. Semasa berbual, SP68 ada terdengar orang menyebut "Man, bila nak bakar Tahfiz?" dan SP69 mendengar PKK1 berkata "bila nak bakar Tahfiz" dan ada seorang lain berkata "belilah minyak petrol". Kemudiannya, SP68 dan SP69 secara positif telah mengecam PKK1 sebagai orang yang memanjat pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz sejurus sebelum kebakaran berlaku. Keterangan tentang kehadiran PKK1 di sekitar bangunan Sekolah Tahfiz dan pergerakan PKK1 sebelum kejadian disokong melalui rakaman CCTV di bangunan PPIM, di stesen minyak Petron, di pusat

snooker dan di rumah jiran PKK1. Rakaman CCTV di bangunan PPIM juga menunjukkan PKK1 ada memegang satu botol pada masa yang material. Setelah kejadian kebakaran yang menyebabkan 23 orang terkorban, siasatan forensik oleh Jabatan Bomba menunjukkan wujudnya kesan 'accelerant' dari bahan petrol dan 2 tong gas yang dihalakan ke pintu bilik asrama dalam bangunan Sekolah Tahfiz dan punca kebakaran adalah disengajakan atau 'incendiary fire'. Hasil soal siasat, PKK1 telah memandu arah pihak polis ke rumahnya dan menunjukkan P291, satu pemetik api yang diterima Mahkamah sebagai bahan bukti yang diperoleh di bawah s 27 AK 1950 dan juga suatu kelakuan yang relevan di bawah s 8 AK 1950.

[43] Daripada nota keterangan dalam rekod rayuan, kredibiliti keterangan saksi utama pendakwaan iaitu SP68 dan SP69 tidak tergugat walaupun dicabar secara serius oleh pihak pembelaan. Berdasarkan keterangan SP68 dan SP69 yang turut disokong melalui keterangan sokongan lain terutamanya keterangan rakaman CCTV, kami bersetuju dengan dapatan HMT yang mendapati dan memutuskan bahawa keterangan ikut keadaan yang dikemukakan PP adalah sebegitu kuat dan hanya menuding kepada satu arah, iaitu PKK1 telah memanjat pagar belakang Sekolah Tahfiz bersama-sama seorang lagi yang tidak dapt dikenali untuk memulakan atau menyebabkan kebakaran di bangunan Sekolah Tahfiz yang menyebabkan 23 orang telah terkorban. Kami mendapati isu ketiga yang dibangkitkan peguam PKK1 juga tidak bermerit diberikan pertimbangan.

Kesimpulan

[44] Berdasarkan alasan-alasan tersebut, kami sebulat suara mendapati dan memutuskan bahawa tidak ada sebab bagi kami untuk mengusik keputusan HMT. Dapatan salah yang dikenakan terhadap PKK1 ke atas

kesemua 23 pertuduhan adalah selamat dan seharusnya dikekalkan. Rayuan PKK1 ditolak. Memandangkan tiada sebarang hujahan dikemukakan pihak pembelaan berhubung dengan hukuman yang dijatuhkan HMT ke atas PKK1, maka hukuman yang dikenakan juga dikekalkan

B. Rayuan PR – Rayuan Jenayah No: W-05(LB)-[70 hingga 93]-02/2020

[45] Semasa berhujah di hadapan kami, Timbalan Pendakwa Raya (TPR) hanya fokus kepada satu isu utama sahaja iaitu sama ada elemen ketiga pertuduhan iaitu kecederaan atau bencana tubuh yang dialami oleh 23 orang mangsa yang terkorban dalam kebakaran adalah akibat daripada perbuatan PKK2 bersama-sama PKK1 telah berjaya dibuktikan PP melalui keterangan ikut keadaan.

[46] Dalam hujahan bertulis dan juga hujahan secara lisan di hadapan kami, TPR memberikan banyak tumpuan atau penekanan terhadap keterangan ikut keadaan yang dikatakan telah mengarah kepada suatu fakta yang dapat menunjukkan bahawa orang yang tidak dapat dikenali yang dilihat SP68 dan SP69 memanjat pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz bersama-sama PKK1 sebelum kejadian kebakaran pada pagi 14.9.2017 adalah PKK2. Hujahan tersebut disandarkan kepada keterangan melalui gambar-gambar yang dikemukakan PP yang ditandakan sebagai eksibit P175(A) hingga (E). Gambar-gambar tersebut menunjukkan keadaan dawai besi yang ada di bahagian atas pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz yang dikatakan dalam keadaan terkuak atau terbuka dan saiz pembukaan kuakkan tersebut tidaklah sebegitu besar.

[47] Selanjutnya, diujahkan bahawa berdasarkan rakaman CCTV dan juga keadaan fizikal orang-orang yang kelihatan dalam CCTV, jelaslah bahawa SP70 dan SD3 yang berbadan gempal tidak mungkin akan dapat memanjat pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz dan masuk ke dalam bangunan melalui kuakkan kecil dawai besi bersama-sama dengan PKK1 sejurus sebelum kejadian kebakaran berlaku. Oleh kerana saiz badan PKK2 yang kecil, maka tidak ada kemungkinan orang lain melainkan PKK2 yang boleh masuk bersama-sama PKK1 ke dalam bangunan Sekolah Tahfiz.

[48] Sebagai tambahan, TPR berhujah bahawa keterangan SP27 dan juga Laporan Kebakaran yang disediakan Jabatan Bomba iaitu eksibit P125 menunjukkan kebakaran berlaku dengan menggunakan dua tong gas yang di bawa naik daripada dapur di tingkat bawah ke tingkat tiga bangunan Sekolah Tahfiz. Dihujahkan bahawa jika perbuatan membawa naik dua tong gas boleh dilakukan oleh seorang individu sahaja, maka ianya akan memakan masa yang lama sedangkan jangka masa yang menunjukkan PKK1, PKK2, SP70 dan SD3 berada di belakang bangunan Sekolah Tahfiz daripada rakaman CCTV adalah singkat iaitu kira-kira 20 minit sahaja. Oleh itu, inferens yang dapat dibuat adalah, hanya PKK2 yang boleh membantu PKK1 membawa naik dua tong gas tersebut. PKK2 sepatutnya dipanggil membela diri.

Dapatan Kami

[49] Untuk mengelakkan pengulangan, kami merujuk dan menerima pakai kedudukan undang-undang berhubung dengan beban pembuktian PP di akhir kes pendakwaan. Begitu juga dengan elemen-elemen kesalahan membunuh yang perlu dibuktikan PP di bawah s 300 KK, kami akan merujuk dan menerima pakai apa yang telah kami bincang dan nyatakan sebelum ini.

[50] Sepertimana pembuktian terhadap PKK1, PP bergantung sepenuhnya kepada keterangan ikut keadaan bagi membuktikan kesemua elemen pertuduhan terhadap PKK2. PP cuba untuk menggunakan keterangan SP68 dan SP69 yang menyatakan bahawa mereka nampak dua orang memanjat pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz untuk mengaitkan PKK2 dengan kejadian kebakaran. Namun begitu, kedua-dua saksi utama PP tersebut gagal membuat pengecaman ke atas orang yang dikatakan memanjat pagar bersama-sama dengan PKK1. Walaupun tidak dinafikan bahawa PKK2 ada bersama-sama PKK1 pada semua masa yang material sebelum kejadian kebakaran berlaku berdasarkan keterangan saksi dan juga keterangan sokongan melalui rakaman CCTV, hakikatnya masih ada dua orang lagi iaitu SP70 dan SD3 bersama-sama mereka.

[51] Pada pandangan kami, sekiranya PP ingin membuktikan bahawa PKK2 adalah orang kedua yang ada bersama-sama PKK1 memanjat pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz pada pagi kejadian berdasarkan keterangan ikut keadaan, PP perlu menutup segala ruang dan luang keraguan yang akan atau mungkin akan timbul daripada keterangan ikut keadaan tersebut. Dalam pembuktian keterangan ikut keadaan untuk menyokong keterangan SP68 dan SP69, PP bergantung kepada inferens yang dibuat ke atas kuakkan atau pembukaan yang wujud pada dawai pengadang di atas pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz, itu sahaja. Persoalannya, bolehkah inferens tersebut berdiri kukuh untuk menyokong keterangan ikut keadaan PP terhadap PKK2? Berdasarkan keterangan yang ada, kami cenderung untuk menjawab persoalan tersebut secara negatif.

[52] Sepertimana yang kami nyatakan sebelum ini, PP perlu menutup segala ruang dan luang keraguan yang ada. Ini penting kerana di samping

PKK1 dan PKK2, SP70 dan SD3 ada bersama pada masa PKK1 dilihat memanjat pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz. Sementelahannya, pengecaman SP68 serta SP69 adalah negatif. Dalam hal ini, PP perlulah memastikan bahawa keadaan dawai pengadang yang terkuak sedikit tersebut tidak berupaya dikuakkan lagi bagi menunjukkan SP70 dan SD3 yang dikatakan berbadan gempal tidak berkemungkinan untuk masuk melalui kuakkan tersebut.

[53] Setelah diteliti, kami dapati bahawa tiada keterangan yang boleh menyokong fakta tersebut. SP71 dalam keterangan di perenggan 33 Pernyataan Saksi ada menyatakan:

Pada 25/09/2017 jam lebih kurang 2.45 petang pihak polis telah membawa kesemua tangkapan ke Taman Tasik Dato Keramat, Kuala Lumpur untuk membuat lakonan semula. Kesemua tahanan telah dibawa menaiki beberapa buah kenderaan pihak polis yang diketuai oleh Supt Razali Bin Taib. Apabila sampai di parking kedai Che mek molek, tahanan dibawa satu persatu bagi menunjukkan pergerakan semasa hari kejadian.

Namun begitu, tiada keterangan yang secara spesifik menjurus kepada fakta bahawa SP70 atau SD3 tidak boleh memanjat dan melepasi kuakkan dawai pengadang atas pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz. Tiada keterangan daripada mana-mana saksi PP yang boleh menunjukkan bahawa ada lakonan semula atau sebarang percubaan lain yang diadakan pihak polis bertujuan untuk mengetepikan keupayaan SP70 atau SD3 memanjat dan seterusnya melepasi kuakkan pada dawai pengadang tersebut.

[54] Begitu juga dengan lawatan di tempat kejadian yang dilakukan HMT. Menurut hujahan TPR, pemeriksaan di tempat kejadian telah mengesahkan fakta berkaitan kuakkan pada dawai pengadang atas pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz. Namun begitu, adalah didapati tiada sebarang catatan yang dibuat HMT yang boleh menunjukkan SP70

dan SD3 tidak boleh memanjat dan melepasi kuakkan dawai pengadang atas pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz.

[55] Oleh itu, kami dapati wujud ruang dan luang keraguan pada fakta berkaitan kuakkan pada dawai pengadang di atas pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz tersebut. Oleh itu, inferens yang cuba diketengahkan PP bagi menyokong keterangan SP68 dan SP69 tidak selamat digunakan terhadap PKK2. Sebaliknya, fakta tersebut juga boleh menimbulkan inferens bahawa individu yang dilihat bersama-sama PKK1 memanjat pagar belakang bangunan Sekolah Tahfiz berkemungkinan adalah SP70 atau SD3. Sekiranya wujud lebih daripada satu inferens maka inferens yang memihak kepada PKK2 perlulah didahulukan dan faedah kepada inferens tersebut perlulah diberikan kepada PKK2.

[56] Dengan itu, PP gagal membuktikan elemen ketiga bagi kesemua 23 pertuduhan terhadap PKK2. Setelah gagal melepasi pembuktian di tahap elemen ketiga, PP juga sudah pastinya gagal membuktikan elemen keempat pertuduhan.

Kesimpulan

[57] Berdasarkan alasan-alasan tersebut, kami sebulat suara mendapati dan memutuskan bahawa tidak ada sebab untuk kami mengubah keputusan HMT. Keputusan HMT untuk melepas dan membebaskan PKK2 daripada kesemua 23 pertuduhan di akhir kes pendakwaan adalah tepat dari segi fakta dan undang-undang. Oleh itu, rayuan PR adalah tidak bermerit dan seharusnya ditolak. Keputusan HMT adalah dikekalkan.